



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN
DAN
KESEJAHTERAAN
BANDAR



PEJABAT MENTERI

TEKS UCAPAN RASMI

YB DATO' RAJA NONG CHIK BIN
DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR

MAJLIS:

MALIS PECAH TANAH PROJEK PERPUSTAKAAN 1MALAYSIA PARLIMEN
LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR

TARIKH / MASA:

29 JANUARI 2013 (SELASA), 5.00 PETANG

TEMPAT:

TAPAK PERPUSTAKAAN 1MALAYSIA, PPR KERINCHI, PANTAI DALAM KUALA LUMPUR

NOTA: SILA SEMAK SEMASA DILAFAZKAN

KANDUNGAN :

- PENDAHULUAN
- PERPUSTAKAAN UNTUK SEMUA
- KEMUDAHAN BUKAN DISALAHGUNA
- PENUTUP

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

- **YBhg Dato' Adnan bin Haji Md. Ikhsan**
Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar,
- **YBhg Dato' Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib**
Datuk Bandar Kuala Lumpur;
- **YBhg Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan**
Pengarah MRCB,
- **YBrs Encik Zuraimi bin Mustapha**
Ketua Pengawai Operasi, Bahagian Hartanah, MRCB
- Ahli-ahli Lembaga Penasihat, **Bandaraya Kuala Lumpur,**
- Pengerusi Persatuan Penduduk, PPR Kerinchi Lembah Pantai
- Pegawai-pegawai daripada Kementerian serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,
- Wakil-wakil Persatuan Penduduk sekitar Lembah Pantai,
- Wakil-wakil pihak Sekolah sekitar Lembah Pantai,
- Rakan-rakan media,
- Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin dari kawasan Lembah Pantai yang saya hormati
sekalian;

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera, dan Salam 1Malaysia.

PENDAHULUAN :

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya, maka pada petang yang cukup indah dan tenang ini; kita dapat sama-sama berkumpul untuk menyaksikan; satu lagi produk "**Janji Ditepati**" yang akan dibangunkan di kawasan Lembah Pantai ini.
2. Saya berpandangan, orang-orang di Wilayah Persekutuan ini, khususnya di Kuala Lumpur dan Lembah Pantai amnya; cukup beruntung kerana secara berterusan menerima dan menikmati pelbagai inisiatif serta pembangunan, yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk pelbagai peringkat umur.
3. Kalau kita hitung satu-persatu, sama ada yang menyentuh soal perumahan, penaja, aspek selenggara, bantuan rakyat, jalan raya dan bangunan; semuanya sudah ada produk dan jenamanya (*branding*); DAN pada petang ini, satu lagi usaha untuk memperkasa masyarakat bandar dengan membina **PERPUSTAKAAN 1MALAYSIA**.
4. Jadi pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak MRCB, di atas jemputan untuk menyempurnakan majlis pecah tanah, projek bangunan perpustakaan di PPR Kerinci ini.

PERPUSTAKAAN UNTUK SEMUA

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Jika sebelum ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) di bawah elemen Kesejahteraan Bandar, telah melaksanakan projek Terminal Sejahtera yang berkonsepkan bantuan pendidikan, tetapi hanya untuk anak-anak bersekolah daripada golongan keluarga berpendapatan rendah, bagi menikmati kelas-kelas tuisyen on-line.
6. Di Lembah Pantai ini, pusat Terminal Sejahtera dibuka di Taman Sri Sentosa dan juga di Perumahan Awam Sri Pahang, Bangsar; manakala beberapa kawasan Parlimen lain di Kuala Lumpur juga menikmati kemudahan pusat ini, dan seterusnya diperluaskan ke banyak bandar-bandar utama di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.
7. Jika Terminal Sejahtera untuk anak-anak bersekolah; maka **Kerajaan Barisan Nasional** tidak pernah lupa kepada; golongan belia, suri rumah, kakak-kakak yang bekerja di sektor industri, abang-abang pemandu teksi atau penjaja, pakcik-pakcik

bekas pesara, malah sesiapa sahaja; kerana Perpustakaan 1Malaysia yang akan dibina ini, adalah untuk semua orang.

8. Saya difahamkan; antara syarat utama membina perpustakaan yang berkonsepkan "pusat ilmu komuniti setempat" ini ialah; mestilah terletak dalam lingkungan kawasan majoriti penduduk yang berpendapatan rendah.
9. Dengan erti kata lain; pemilihan kawasan juga dilakukan dengan teliti oleh pegawai-pegawai dari Kementerian serta DBKL, kerana produk ini akan membantu tuan-tuan dan puan-puan, serta adik-adik semua; meningkatkan akses (atau capaian pengetahuan) yang lebih luas kepada sumber ilmu dan maklumat yang disediakan.
10. Jangan pula ada pihak lain nanti berkata, oleh sebab PPR Kerinchi ini dalam kawasan perhatian Menteri, maka ianya dibina di sini; sedangkan dua lagi perpustakaan (menjadikan bilangannya tiga) untuk permulaan ini akan dibina; iaitu di Taman Medan Idaman (Parlimen Wangsa Maju) dan Jalan Wirawati (Parlimen Titiwangsa).
11. Inilah antara usaha-usaha Kementerian kepada rakyat di Wilayah Persekutuan khususnya warga kota Kuala Lumpur, yang sentiasa memikirkan apa sahaja perkara atau urusan, yang mungkin semakin jauh atau tidak dapat dicapai – sedaya upaya cuba didekatkan dan disediakan di depan mata.
12. Kementerian tidak mahu berlaku; seperti kata pepatah, **"kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan"**. Menunjukkan betapa Kementerian ini, sayang dan serius dalam menangani setiap masalah rakyat di ketiga-tiga Wilayah; pada masa sama melaksanakan tanggungjawab besar memperkasa Kesejahteraan Bandar di seluruh negara.

KEMUDAHAN BUKAN DISALAHGUNA :

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Orang memberi kita merasa, orang yang berbudi perlulah kita balas, bukan sahaja dengan kata-kata tetapi janji kita untuk menjaga dan menggunakan perpustakaan ini nanti, dengan sebaiknya.
14. Sebelum itu, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan semua penduduk di Lembah Pantai ini, untuk memberikan satu tepukan paling gemuruh kepada pihak

MRCB; yang telah bermurah hati melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk membina pusat-pusat ilmu ini, dengan kerjasama Kementerian dan DBKL.

15. Sehubungan itu, selepas siapnya bangunan perpustakaan ini; yang saya difahamkan - bukan sahaja dilengkapi koleksi sekitar 1,500 buku-buku serta bahan-bahan bacaan pelbagai jenis, dari dalam dan luar negara; malah akan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk alat pandang dengar, ICT dan sebagainya, sesuai fungsinya untuk kegunaan pelbagai peringkat umur.
16. Bila siap nanti, janganlah jadi "gajah putih" yang paling disebut-sebut orang di Lembah Pantai ini, atau hanya dikunjungi anak-anak yang keluar masuk untuk meminjam buku. Eloklah kalau tuan-tuan dan puan-puan, kita satu keluarga beramai-ramai berkunjung ke perpustakaan ini nanti, atau daripada sembang-sembang kosong di warung kopi, mari kita duduk dan baca pelbagai maklumat yang disediakan.
17. Seperkara menjadi perhatian saya apabila dibangunkan pelbagai kemudahan untuk rakyat; seperti taman-taman awam ataupun bangunan-bangunan seperti perpustakaan ini; antara perkara yang paling membimbangkan saya - bukan hanya tidak digunakan atau tidak dikunjungi; tetapi disalahguna untuk kegiatan tidak bermoral atau dirosakkan kemudahan yang ada.
18. Seperti apa yang berlaku di Taman Rimba Bukit Kerinchi, setelah pihak DBKL membangunkan kawasan tersebut sebagai taman awam dan rekreasi melalui peruntukan yang besar; kemudahan di situ telah dirosakkan yang saya percaya bukan dilakukan oleh orang luar – sehingga pihak DBKL terpaksa menanggung pula, kos pemulihan yang tinggi.
19. Sejak insiden itu, saya terfikir satu idea bagaimana cara untuk menimbulkan kesedaran serta rasa tanggungjawab bersama atau (*self of belonging*) terhadap semua harta awam di ibu kota ini, melalui penyertaan rakyat.
20. Baru-baru ini, saya telah lancarkan **Sahabat Taman Rimba Bukit Kerinchi** atau (***Friends of Bukit Kerinchi***) melibatkan beberapa persatuan penduduk sekitar Kerinchi dan NGO bagi memantau taman berkenaan.
21. Sehubungan itu, menyahut kepada penubuhan ***Friends of Bukit Kerinchi***; maka saya dengan sukacitanya mengumumkan penubuhan **SAHABAT PERPUSTAKAAN 1MALAYSIA LEMBAH PANTAI** atau (***Friends of 1Malaysia Library Lembah Pantai***).

22. Saya diberitahu, pihak Kementerian sedang pun menyusun satu Jawatankuasa Protem (*protem commitee*), melibatkan orang ramai terutama persatuan penduduk dan penghuni PPR Kerinchi, serta beberapa perumahan lain di sekitar kawasan Pantai Dalam ini.
23. Pada masa sama, dengan adanya kelab Sahabat ini akan memudahkan lagi pengurusan perpustakaan, untuk melaksanakan pelbagai program serta aktiviti bersama-sama penduduk setempat dengan lebih kemas dan lancar.
24. Kelab Sahabat ini juga, akan diperkasakan di peringkat Kementerian, sebagai satu **produk Kesejahteraan Bandar**, di bawah elemen **Gagasan 7P** yang saya ilhamkan, iaitu P Ketujuh – **PRIHATIN**.
25. Dan Insya-Allah, akan lebih banyak lagi penglibatan rakyat di seluruh Wilayah Persekutuan ini, untuk sama-sama berkongsi serta terlibat dalam menjaga kepentingan harta benda awam yang telah dibangunkan oleh Kerajaan.

PENUTUP:

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian,

26. Mengakhiri ucapan terima kasih saya kepada pihak Kementerian serta DBKL yang sama-sama membantu bagi melaksanakan projek ini; juga **TERIMA KASIH DAUN KELADI** kepada pihak MRCB, yang banyak jasanya melaksanakan CSR kepada rakyat khususnya di Kuala Lumpur.
27. Juga kepada Persatuan Penduduk PPR Kerinchi yang memberikan kerjasama, termasuk persatuan-pesatuan penduduk di perumahan lain.
28. Jadi, dengan lafaz **Bismillah Hirrahman Nirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan; **MAJLIS PECAH TANAH PERPUSTAKAAN 1MALAYSIA, LEMBAH PANTAI KUALA LUMPUR.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum W.B.T.

YB DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

KUALA LUMPUR (29 JANUARI 2013)

ATUR CARA

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PERPUSTAKAAN 1MALAYSIA LEMBAH PANTAI

Disempurnakan Oleh : YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin
Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar

Pada : 29 Januari 2013 (Selasa)

Tempat : PPR Lembah Pantai, Jalan Pantai Permai 1, Lembah Pantai

MASA	PERKARA
4.00 petang	Ketibaan jemputan
4.15 petang	Ketibaan tetamu kehormat
4.30 petang	Ketibaan YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar • Nyanyian lagu "Negaraku" dan "Maju Dan Sejahtera" • Bacaan doa
4.40 petang	Ucapan Aluan oleh YB MRCB Ucapan YB Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar Gimik Perasmian • Upacara menandatangani perjanjian antara DBKL dan MRCB dengan disaksikan oleh YB Menteri • YB Menteri menurunkan tanda tangan di plak perasmian • YB Menteri <i>unveil</i> model Perpustakaan 1Malaysia Pecah Tanah
5.15 petang	Sidang Media Jamuan minum petang Bersurai